



**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)**
www.ijlgc.com



KELANGSUNGAN ADAT BERTIMBANG KOMUNITI BAJAU KAMPUNG BOLONG, TUARAN

THE SURVIVAL OF ADAT BERTIMBANG IN THE BAJAU COMMUNITY OF KAMPUNG BOLONG, TUARAN

Saidatul Sahirah Adam^{1*}, Abang Mohd. Razif Abang Muis^{2*}, Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin³,
Syamsul Azizul Marinsah⁴, Saifulazry Mokhtar⁵

¹ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: saidatul9696@yahoo.com

² Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: amrazif@ums.edu.my

³ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
Email: mnhidayath_h@ums.edu.my

⁴ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
Email: syamsulazizul@ums.edu.my

⁵ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.03.2023

Revised date: 20.04.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 27.06.2023

To cite this document:

Adam, S. S., Abang Muis, A. M. R., Hajimin, M. N. H. H., Marinsah, S. A., & Mokhtar, S. (2023). Analisis Stereotaip Antara Kelangsungan Adat Bertimbang Komuniti Bajau Kampung Bolong, Tuaran. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (32), 444-459.

Abstrak:

Sebelum kedatangan agama Islam di Malaysia, kehidupan etnik Bajau majoritinya adalah berpaksikan kepada kepercayaan animisme. Seiring dengan peredaran zaman, telah berlaku pertembungan budaya antara agama Islam dengan kepercayaan nenek moyang masyarakat Bajau di Sabah, lalu disesuaikan mengikut situasi dan kepentingan semasa. Antara amalan yang masih wujud hingga kini ialah adat bertimbang iaitu satu upacara menimbang bayi yang dilahirkan pada bulan Muharam dan Safar. Masyarakat Bajau percaya bayi yang lahir pada bulan tersebut akan mengundang bencana kepada dirinya apabila dewasa kelak. Oleh itu upacara bertimbang dilakukan untuk memohon kepada Allah SWT agar dijauhkan bayi itu dari malapetaka sepanjang hidupnya. Persoalannya, mengapakah masyarakat Bajau masih mengekalkan adat tradisi nenek moyang ini? Berdasarkan kajian kes di Kg. Bolong, Tuaran, artikel ini mengungkap Faktor Kelangsungan Adat Bertimbang Komuniti Bajau Kampung Bolong, Tuaran. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Beberapa orang informan telah ditemu bual secara mendalam yang terdiri dari orang tua Kampung Bolong, Kampung

DOI: 10.35631/IJLGC.832034.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)

Simpangan serta Kampung Pulau Gaya Asal. Dapatan kajian merumuskan ada dua faktor yang menyebabkan adat timbang masih diterima hingga kini. Pertama, adat timbang penting dari sudut penyembuhan rohani, dan kedua ialah, adat timbang telah diselarikan dengan akidah Islam.

Kata Kunci:

Amalan Tradisi, Bajau, Islam, Sinkretisme, Tulah

Abstract:

Before Islam was introduced in Malaysia, the majority of Bajau ethnic believe in animism. Along with the passage of time, there has been a cultural clash between Islam and the beliefs of the ancestors of the Bajau community in Sabah, then adapted according to the current situation and interests. Among the practices that still exist today is Adat Bertimbang, which is a ceremony of weighing babies born in the month of Muharam and Safar. The Bajau people believe that babies born in that month will bring disaster to themselves when they grow up. Therefore, Bertimbang is performed to supplicate to Allah SWT to keep the baby away from calamity for the rest of his life. The question is, why do the Bajau people continue the traditional customs of their ancestors? Based on a case study in Kg. Bolong, Tuaran, this article reveals the Factors of the Survival of Adat Bertimbang in the Bajau Community of Kampung Bolong, Tuaran. This study used a qualitative approach. Several informants were interviewed involving the elders of Kampung Bolong, Kampung Simpangan and Kampung Pulau Gaya Asal. The findings of the study conclude that there are two factors that cause the Adat Bertimbang is still accepted until this day. First, the Adat Bertimbang is important from the point of view of spiritual healing, and second, the Adat Bertimbang has been aligned with the Islamic faith.

Keywords:

Tradisional Belief, Bajau, Islam, Sincritisme, Plague

Pengenalan

Bertimbang ialah satu upacara untuk menimbang bayi yang lahir pada bulan Muharam dan Safar. Hal ini ekoran daripada kepercayaan masyarakat Bajau yang menganggap bayi yang lahir pada bulan tersebut akan mengundang malapetaka kepada dirinya sendiri ataupun disebut sebagai *tulah*. Dikatakan ketika sudah dewasa, ia akan berperwatakan kasar, sering melawan orang tua, dan sentiasa ditimpa kecelakaan. Justeru, upacara bertimbang harus dilakukan setelah bayi selamat dilahirkan yang bertujuan untuk memohon pertimbangan daripada Allah SWT agar sentiasa melindungi nasib bayi tersebut.

Seperti amalan tradisi etnik Melayu yang telah diselarikan dengan kepercayaan animisme, Hindu-Buddha dan agama Islam (Idris Zakaria, 2012), etnik Bajau di Sabah juga tidak terlepas dari sinkretisme. Walaupun etnik Bajau kini beragama Islam, namun separuh amalan mereka masih dipengaruhi oleh adat tradisi nenek moyang yang jelas banyak berunsurkan kuasa alam. Contohnya seperti upacara bertimbang yang dikaitkan dengan kepercayaan *tulah* (kutukan). Masyarakat Bajau sangat takut kepada *tulah* yakni ia boleh menyebabkan kecelakaan kepada sesiapa yang melanggar perintah ataupun berbuat kejahatan. Justeru, tidak melakukan upacara

timbang kepada bayi yang lahir pada bulan Muharam dan Safar juga diibaratkan melanggar perintah nenek moyang dan akan mendapat *tulah*.

Hal yang sama berlaku di daerah Tuaran yang merupakan salah satu petempatan terawal yang didiami oleh etnik Bajau Pantai Barat. Walaupun telah berada di zaman pasca-modern, namun generasi terkini komuniti Bajau Kampung Bolong masih berpegang teguh dengan adat tradisional mereka walaupun sudah beragama Islam. Tambahan pula, berdasarkan kajian-kajian ilmiah, perubahan sosiobudaya yang berlaku dalam komuniti Bajau menyaksikan masih terdapat unsur-unsur animisme yang dinormalisasikan dalam kehidupan masyarakat seharian (Gusni, 2008). Hal ini merupakan satu fenomena sosial yang menarik kerana terbukti kepercayaan tradisional etnik Bajau belum sepenuhnya dimurnikan dengan ajaran Islam. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji lebih mendalam tentang faktor kelangsungan adat bertimbang dalam komuniti Bajau Kampung Bolong, Tuaran.

Merujuk kepada kajian kes yang dilakukan di Kampung Bolong Tuaran mengenai upacara menimbang bayi, maka artikel ini adalah untuk membincangkan faktor-faktor kelangsungan amalan dan kepercayaan timbang bayi dalam komuniti Bajau Kampung Bolong. Terdapat dua isu yang digariskan dalam kajian ini iaitu pertama, kepentingan adat timbang terhadap komuniti dan individu yang terlibat. Kedua, kefahaman komuniti terlibat terhadap kesesuaian amalan adat timbang dengan ajaran Islam.

Sorotan Literatur

Berdasarkan kajian terdahulu yang pernah dijalankan oleh para sarjana, suku kaum Bajau mendiami beberapa kawasan di Semenanjung Asia Tenggara (Insular Southeast Asia) terutamanya di tiga buah negara yang berjiranan iaitu Malaysia, Timur Indonesia dan juga Selatan Filipina (Halina Sendera & Andreas Totu, 2014). Di Malaysia, masyarakat Bajau boleh didapati di negeri Sabah (Saidatul Nornis, 2016), manakala di Timur Indonesia mereka banyak menempati di sepanjang pantai Sulawesi (Matulada, 1995) dan di Filipina pula, mereka banyak bertumpu di kepulauan Sulu (Nimmo, 1968). Sehubungan itu, masyarakat Bajau di Sabah terbahagi kepada dua komuniti iaitu komuniti Bajau Pantai Timur Sabah yang terkenal dengan pekerjaan berorientasikan laut dan komuniti Bajau Pantai Barat Sabah yang terkenal dengan kepakaran pembuatan parang serta kemahiran menunggang kuda (Harrison, 1975). Lazimnya, masyarakat Bajau pantai timur bertempat di kawasan sekitar daerah Kudat, Sandakan, Lahad Datu, Kunak, Tawau dan Semporna manakala masyarakat Bajau pantai barat bertempat di kawasan sekitar daerah Putatan, Tuaran, Papar dan Kota Belud (Saidatul Nornis, 2012).

Tambahan lagi, menurut Saidatul Nornis (2011) dalam Dayang Nadia, et al. (2017) menjelaskan bahawa masyarakat Bajau disebut sebagai *jomo sama* atau *sama*. Selain itu, beliau merumuskan bahawa gelaran yang sangat terkenal merujuk kepada masyarakat Bajau dikenali sebagai gipsi laut (*sea gypsies*) atau nomad laut (*sea nomads*) dan orang yang digelar Bajau ditemui tersebar di seluruh Semenanjung Asia Tenggara. Ismail Ibrahim (2011) menyatakan bahawa gelaran *Sea Gypsies* atau *Sea Nomads* yang diberikan oleh penulis Barat adalah merujuk kepada gaya hidup mereka yang bergantung kepada laut sebagai sumber kehidupan yang masih dipraktikkan oleh masyarakat Bajau di daerah Semporna.

Selain itu, terdapat juga beberapa kajian yang menyentuh tentang adat timbang. Dalam kajian Samrah Ag. Damit, et al (2018) yang bertajuk “Norma Dan Adat Kelahiran Masyarakat Kedayan Di Sipitang Sabah” ada memerihalkan tentang adat menimbang bayi yang lahir pada

bulan Safar. Fokus utama kajian ialah tentang adat kelahiran yang menjadi amalan masyarakat Kedayan yang mempunyai tiga peringkat iaitu adat semasa mengandung, setelah melahirkan anak, dan ketika berpantang hingga ke-44 hari. Salah satunya ialah menimbang bayi yang lahir pada bulan Safar. Kepercayaan mereka terhadap bayi yang lahir pada bulan Safar ialah timbang harus dilakukan, namun tidak ada ketentuan yang ditetapkan pada usia ketika upacara menimbang harus dilakukan.

Aisah Hossin, et al (2012) juga ada mengkaji tentang adat bertimbang yang terdapat dalam “Adat Kelahiran Komuniti Jawa: Tinjauan Di Kampung Jawa Dua, Sandakan Sabah”. Berdasarkan kajian, komuniti Jawa percaya jika ada bayi yang lahir pada bulan Safar, keluarga bayi itu wajib melakukan upacara kenduri mengikut adat kelahiran komuniti Jawa dengan melakukan adat menimbang bayi untuk membuang sial kerana beranggapan bahawa kedua-dua bulan ini tidak baik atau bulan panas. Jika adat menimbang ini tidak dilakukan, dikhuatiri anak itu akan mengalami masalah di sepanjang hidupnya atau ‘panas’. Selain itu, adat menimbang juga dilakukan untuk kanak-kanak yang sering sakit atau sembuh daripada sakit yang dihidapi dalam tempoh masa yang lama.

Selain itu, kajian Dede Nur Afiyah (2018) mengenai “Ritual Perayaan Rebo Kasan Desa Girijaya, Kecamatan Saketi, Pandeglang, Banten” tidak memerihalkan secara terperinci tentang adat timbang. Tapi beliau ada menulis tentang seorang bayi lahir pada bulan Safar akan menjadi seorang yang panas baran atau dalam istilah bahasa Sunda, *sasafaeun* apabila ia dewasa kelak. Kesemua ini berhubung kait dengan Rebo Kasan yang bermaksud ritual untuk menghindari pelbagai jenis kemalangan yang datang pada hari Rebo terakhir pada bulan Safar. Maka masyarakat akan melakukan upacara tolak bala, upacara mandi Safar, dan upacara mendaki Gunung Pulosari.

Seterusnya, dalam “Kepercayaan Masyarakat Banjar Terhadap Bulan Safar: Sebuah Tinjauan Psikologis” oleh Siti Faridah dan Mubarak (2012) juga ada memerihalkan tentang adat timbang. Siti Faridah mengatakan bahawa masyarakat Banjar di Indonesia melaksanakan upacara batimbang anak pada bulan Safar. Menurutnya lagi, di sebahagian tempat di Kalimantan Selatan, jika ada keluarga yang dikurniakan anak yang lahir pada bulan Safar, harus melaksanakan upacara batimbang anak setelah ia genap setahun. Hasil timbangan atau berat badan anak akan dipadankan dengan nasi ketan (pulut) atau dodol. Melalui upacara ini diharapkan anak terlepas dari aura negatif bulan Safar dan akhirnya akan berperilaku manis seperti nasi pulut yang berlemak dan manis, serta hidupnya penuh berkat dan bermanfaat bagi orang lain, berperilaku terpuji dan terhindar dari penyakit kerana menurut pemahaman masyarakat Banjar, anak yang lahir pada bulan Safar memiliki sifat ego dan pemarah.

Metodologi Kajian

Menurut Hornby (1985), metodologi adalah satu set kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian ke atas subjek kajian yang tertentu untuk membincangkan reka bentuk kajian, sampel kajian, instrumen kajian dan proses menganalisis data bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah dikemukakan lebih awal. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengaplikasikan pendekatan kualitatif secara kajian kes yang tertumpu di Kampung Bolong, Tuaran. Beberapa kriteria diambil kira berkaitan pemilihan lokasi kajian. Pertama, Kampung Bolong didiami oleh majoriti masyarakat Bajau Samah. Kedua, sesetengah komuniti di Kampung Bolong masih mengamalkan adat bertimbang.

Kaedah pengumpulan data pula melibatkan data primer (kaedah temu bual mendalam, pemerhatian tidak turut serta) dan data sekunder (kaedah kepustakaan) untuk mendapatkan data empirikal. Kaedah persampelan pula adalah persampelan bertujuan yang melibatkan beberapa orang *key informan* yang terdiri dari penduduk Kampung Bolong, Kampung Simpangan dan Kampung Pulau Gaya Asal yang telah dipilih berdasarkan pengetahuan dan pengalaman mereka tentang adat tradisi bertimbang. Seramai enam orang informan telah ditemu bual secara mendalam untuk mendapatkan sumber data tentang adat bertimbang serta persepsi mereka tentang kefahaman mereka mengenai kesesuaian adat timbang dalam ajaran Islam pada zaman sekarang.

Selain itu, pengkaji juga telah menganalisis data kajian secara tematik. Setiap data pemerhatian dan transkrip temu bual telah dimurnikan dan diklasifikasikan mengikut bab-bab tertentu dalam laporan kajian. Kemudian berdasarkan bab-bab tersebut, data telah diinterpretasikan mengikut kepentingan setiap sub-tema.

Dapatan dan Perbincangan

Persoalan umum kajian ini adalah apakah faktor-faktor yang telah mendorong kelangsungan adat bertimbang dalam komuniti Bajau Kampung Bolong Tuaran? Perkara ini cuba difahami melalui dua perspektif utama iaitu kepentingan adat bertimbang dalam komuniti kajian, dan juga kefahaman mereka mengenai kesesuaian adat bertimbang dengan ajaran Islam.

Upacara Bertimbang

Berdasarkan data kajian, adat timbang ialah upacara menimbang bayi yang lahir pada bulan Muharam dan Safar. Menurut informan penduduk lama di Kampung Bolong Tuaran, Balham (82 tahun), bayi yang dilahirkan pada bulan Muharam dan Safar dipercayai nasibnya akan sentiasa cenderung ke arah keburukan apabila dewasa kelak kerana ia telah terkena kutukan (*tulah*), atau lebih jelas lagi nasibnya akan sentiasa malang. Tambahan lagi, bayi tersebut akan membesar menjadi anak yang suka melawan orang tua, tidak beradab, dan sentiasa berkelakuan kasar. Ekoran daripada itu, upacara timbang harus dilaksanakan setelah bayi selamat dilahirkan untuk mengelakkan sebarang kecelakaan berlaku terhadapnya. Tujuannya adalah untuk memohon pertimbangan daripada Allah SWT agar dipermudahkan urusan bayi itu setelah ia dewasa dan dijauhkan dari sebarang malapetaka.



Rajah 1: Proses Pembuatan Buaian


Sumber: Kajian Lapangan 2019

Selain itu, Saifuddin (74 tahun) iaitu informan dari Kampung Simpangan, Tuaran turut menjelaskan bahawa adat timbang ini adalah majlis kenduri doa selamat ataupun istilah dalam masyarakat Bajau dipanggil sebagai kenduri doa '*tolak bala*' yang bertujuan untuk menyucikan bayi dari perkara-perkara buruk kerana dilahirkan pada bulan Muharam dan Safar. Ketika majlis berlangsung, para jemaah yang terlibat dalam upacara bertimbang akan memanjatkan doa kepada Allah SWT agar melindungi bayi tersebut dari sebarang kecelakaan.

Informan juga mengatakan bahawa masyarakat Bajau lazimnya mengadakan majlis bertimbang ini di hari yang sama dengan majlis cukur jambul atau *Aqiqah* iaitu hari ketujuh atau ke-40 kelahiran bayi. Upacara bertimbang akan dilakukan terlebih dahulu, kemudian diikuti dengan majlis *aqiqah*, dan tiada keterangan mengenai urutan majlis ini kerana ia telah dipatuhi sejak zaman nenek moyang lagi. Lagi pula, secara rasionalnya, ia lebih menjimatkan kos jika majlis dilakukan serentak.

Namun diterangkan juga tidak terdapat sebarang pantang larang mahupun tarikh-tarikh tertentu dalam pelaksanaan upacara timbang ini. Ia boleh dilakukan pada bila-bila masa sahaja, dan tidak terikat kepada hari ketujuh kelahiran bayi. Malah terdapat segelintir ibu bapa yang melakukan adat timbang ini ketika anak mereka telah berusia setahun ke atas kerana kekangan tertentu. Pokoknya, adat timbang ini dilakukan mengikut kehendak dan kemampuan keluarga itu sendiri.

Oleh itu, ringkasan adat bertimbang dapat dilihat seperti rajah 2 di bawah agar lebih mudah difahami.



Rajah 2: Upacara Adat Bertimbang

Sumber: Kajian Lapangan 2019

Seterusnya, informan Saifuddin turut menjelaskan tentang upacara bertimbang. Terdapat dua bahagian timbangan, satu untuk bayi dan satu lagi untuk bahan-bahan yang ditimbang (rujuk rajah 1). Oleh itu kita memerlukan dua helai kain pelek, sebatang kayu yang kukuh dan

panjang seperti kayu penumbuk padi untuk menghasilkan buaian. Manakala bahan-bahan timbangan pula seperti tiga buah kepala muda, mayang pinang, potongan tebu, kuih muih, beras, beberapa botol mineral, dan apa saja jenis barangan yang boleh disedekahkan di akhir majlis nanti. Selain bahan-bahan timbangan di atas, kita juga memerlukan sebilah parang dan pasu tanah liat untuk proses bertimbang nanti. Berhubung dengan pemilihan bahan-bahan timbangan, informan menyatakan tidak ada penjelasan yang jelas mengenai makna simbolik di sebalik bahan-bahan tersebut. Masyarakat Bajau hanya mematuhi tradisi yang telah diwariskan sejak leluhur lagi tanpa mengetahui erti sebenar.

Langkah pertama dalam upacara bertimbang ialah menyediakan buaian terlebih dahulu dengan menggantung kayu panjang (secara melintang) menggunakan tali yang kukuh, lalu diikatkan dua helai kain pelekat yang tersedia berjahit di kedua-dua bahagian kayu iaitu di kiri dan kanan sehingga membentuk buaian (rujuk rajah 3). Informan menjelaskan, sebahagian kampung menggunakan jenis kain yang berbeza untuk membuat buaian berdasarkan gender. Contohnya, kain pelekat untuk bayi lelaki dan kain batik untuk bayi perempuan. Namun hal gender dan jenis kain ini bukanlah perkara besar dan tidak perlu diambil kira kerana informan menyatakan setiap kampung mempunyai pegangan tersendiri mengikut budaya masing-masing.



Rajah 3: Upacara Menimbang Bayi

Sumber: Kajian Lapangan 2019

Setelah buaian telah lengkap dipasang, barulah upacara bertimbang boleh dimulakan. Upacara dimulakan dengan memasukkan bayi ke dalam buaian sebelah kanan, manakala bahan-bahan timbangan pula dimasukkan ke dalam buaian sebelah kiri. Syaratnya berat bayi haruslah seimbang dengan berat bahan-bahan timbangan tadi. Jika buaian masih belum seimbang, boleh masukkan potongan-potongan kayu ke dalam buaian sebelah kiri sehinggalah ia setara dengan berat si bayi.

Jika sudah setara, para jemaah yang terlibat dalam upacara bertimbang akan berdiri membuat bulatan besar di sekeliling buaian sambil berselawat ke atas Nabi SAW serta *berzanji*. Kemudian proses memusing buaian pun dimulakan. Informan menyatakan upacara memusing buaian ini boleh diketuai oleh Imam atau orang yang arif mengenai adat ini. Beliau akan memutar buaian sebanyak tiga kali pusingan iaitu dari arah kanan ke kiri (mengikut arah jam).



Rajah 4: Upacara Memusing Buaian

Sumber: Kajian Lapangan 2019

Di pusingan pertama, para jemaah akan memutar buaian sambil membaca ayat 7 *Salamun*, dan begitu juga pada pusingan kedua dan ketiga. Tujuan doa ini dibaca adalah untuk memohon perlindungan dan keselamatan daripada Allah SWT agar bayi yang ditimbang tidak ditimpa perkara buruk apabila sudah melonjak dewasa. Seterusnya, di setiap akhir pusingan buaian, seorang lelaki tidak kira siapa pun perlu ‘menyambut’ pusingan itu dengan menukar segala bahan-bahan timbangan (termasuk buaian yang dibuat dari kain pelekat) dengan yang baru, dan langkah yang sama juga dilakukan pada pusingan kedua dan ketiga.

Setelah tamat tiga pusingan, upacara kemuncak diakhiri dengan memecahkan pasu (diperbuat daripada tanah liat) dan buah kelapa. Proses ini amat penting kerana ia membawa maksud membuang *tulah* yang menimpa bayi tersebut kerana lahir pada bulan yang dianggap ‘panas’ oleh masyarakat Bajau. Cara melakukannya dengan meletakkan mayang pinang di atas pasu yang diterbalikkan, kemudian halakan di bahagian tengah buaian, lalu pecahkan menggunakan parang sehingga terbelah dua. Sebaik saja pasu telah pecah, diteruskan pula dengan memecahkan buah kelapa yang juga menggunakan parang sehingga terbelah dua. Maka berakhirilah upacara bertimbang ini.

Informan memaklumkan bahawa ahli keluarga tidak boleh mengambil bahan-bahan timbangan yang telah digunakan semasa upacara, sebaliknya ia haruslah disedekahkan kepada para jemaah atau Imam yang mengetuai upacara tersebut disertakan dengan wang ringgit, termasuklah kain pelekat yang telah digunakan untuk membuat buaian. Manakala air mineral yang dijadikan bahan timbangan tadi boleh digunakan untuk memandikan bayi yang ditimbang. Setelah semuanya selesai, majlis kenduri ini akan diakhiri dengan bacaan doa selamat, dan barulah majlis *Aqiqah* diteruskan.

Kepentingan Adat Bertimbang Kepada Individu Dan Komuniti Yang Terlibat

Berdasarkan persepsi komuniti Bajau yang dikaji, adat timbang ini membawa kepentingan tertentu kepada individu dan komuniti terlibat. Kepentingan utama ialah ‘proses penyembuhan’ kepada bayi itu sendiri iaitu bertimbang dapat menghindarkan bayi yang lahir pada bulan Muharam dan Safar daripada terkena *tulah*. Informan Kanchi (60 tahun) berkata, kepercayaan *tulah* ini sangat kukuh dalam kalangan etnik Bajau terutamanya generasi tua. Maka dengan melakukan upacara timbang, bayi tersebut akan terselamat daripada perkara-perkara buruk yang boleh membahayakan dirinya sendiri serta dapat mengelakkan ia daripada berkelakuan

kasar apabila semakin melonjak dewasa. Oleh itu, upacara menimbang berat bayi sama dengan berat bahan-bahan timbangan diertikan sebagai satu proses pertukaran aura yang positif.

“...kita bertimbang ni...contoh, apabila budak dilahirkan dalam bulan Safar dan Muharram. Sedangkan bulan Safar dan Muharram ni adalah bulan yang baik. Tapi ada yang beranggapan kalau budak itu lahir, dia tidak akan bernasib baik. Jadi ibu bapa tu dia akan timbang mengikut adat masing-masing untuk minta pertimbangan dari Tuhan...”

(Kanchi, 2019)

Dapat disimpulkan bahawa, dalam konteks semasa, orang Bajau yang masih percaya pada animisme, mereka juga percaya pada konsep *tulah*. Penyakit yang disebabkan oleh *tulah* tidak dapat disembuhkan melalui perubatan moden kerana ia berkaitan dengan alam ghaib dari alam metafizik. Oleh hal yang demikian, upacara bertimbang ini dianggap sangat memberi impak positif yang besar kepada si bayi yang lahir pada bulan Muharam dan Safar. Hal ini kerana, nasib bayi dipercayai bergantung sepenuhnya terhadap upacara bertimbang yang dipimpin oleh Imam atau orang yang arif. Maka proses ‘penyembuhan’ melalui bertimbang dianggap sebagai penyembuhan komunal (bersama) berdasarkan kaedah yang digunakan iaitu melibatkan bayi dan komuniti. Tujuan utama penyembuhan komunal melalui proses bertimbang adalah untuk memulihkan keseimbangan antara fizikal dan metafizik yang disebabkan oleh *tulah*. Berhubung perkara itu, aspek menolak bala melalui *ritual* juga dikategorikan sebagai penyembuhan iman, kerana ‘penyembuhan’ berlaku ekoran dari kepercayaan terhadap kuasa rohani yang telah membantu dalam proses menolak bala.

Kepentingan seterusnya menurut persepsi komuniti kajian, kelangsungan adat timbang mampu memelihara dan memulihara warisan nenek moyang. Hal ini berikutan adat-adat leluhur sudah semakin kurang dipraktikkan di sesetengah tempat kerana pengetahuan masyarakat yang semakin terdedah dengan ilmu agama dan pendidikan. Menurut Saifuddin, ada faktor-faktor tertentu mengapa ia semakin tidak mendapat sambutan dalam kalangan generasi baru orang Bajau. Antaranya ialah generasi kini menganggap adat timbang sebagai kepercayaan yang karut dan sudah tidak relevan dilakukan pada zaman sekarang. Tambahan pula, dari segi kos penyediaan majlis kenduri, ia menelan belanja yang agak besar dan kita sedia maklum bahawa bukan semua mampu dari segi kewangan.

“...adat tu penting untuk kiti peloro (kita pelihara) warisan nenek moyang. Orang-orang sekarang sudah berpelajaran tinggi. Peranak betiru (anak-anak sekarang) anggap bertimbang tu karut dan membebankan. Bertimbang ni masih lagi ada tapi jarang sudah dibuat...”

(Saifuddin, 2019)

Maka, jika masih terdapat generasi tua yang mempraktikkan adat timbang ini walaupun bilangannya tidak seberapa, usaha ini sangat berguna dalam memperkenalkan adat tradisi kepada generasi baru khususnya yang merupakan etnik Bajau, sekali gus dapat mewariskan adat ini kepada mereka. Melalui pemerhatian dan turut serta dalam upacara bertimbang, sedikit sebanyak boleh menimbulkan kesedaran akan betapa pentingnya meneruskan adat ini agar masyarakat Bajau tidak lupa akan leluhur mereka. Selain itu, orang-orang tua juga boleh mencari pelapis dalam kalangan generasi baru untuk menyambung adat tradisi ini.

Berdasarkan persepsi informan, adat tradisi merupakan khazanah yang tidak boleh dijual beli kerana ia adalah leluhur nenek moyang yang mengambil masa berpuluh-puluh tahun diciptakan dan sudah pasti mempunyai nilai sentimental yang tinggi dengan sejarah. Jika adat tradisi ini tidak dipelihara, maka secara tidak langsung etnik Bajau akan kehilangan salah satu budaya yang melambangkan jati diri mereka. Tambahan lagi, generasi baru hanya mampu melihat dan mendengar cerita daripada orang-orang tua mengenai adat timbang tanpa melakukan sendiri upacara itu secara langsung.

Oleh itu, informan mengingatkan kepada golongan muda betapa pentingnya memelihara khazanah daripada nenek moyang ini. Generasi akan datang khususnya etnik Bajau harus disuntik kesedaran agar mereka terus melakukan adat timbang ini. Telah menjadi tanggungjawab seluruh etnik Bajau untuk meneruskan apa saja adat turun-temurun agar generasi akan datang tidak lupa akan akar umbi mereka dan sekali gus tidak kehilangan identiti sebagai anak jati Bajau. Informan menyatakan adat ialah salah satu identiti budaya yang mempunyai nilai dalam kehidupan seharian manusia. Maka ia boleh melambangkan atau mempengaruhi diri dan tingkah laku individu dalam sesuatu komuniti masyarakat, di samping memberikan panduan dalam kehidupan seharian. Tambahan lagi, identiti budaya amat sukar untuk diubah dan dibuang kerana identiti tersebut telah dipelajari dan dipraktikkan dalam diri individu sejak kecil lagi, sama ada secara formal atau tidak formal (Halina, 2007).

Selain itu, kepentingan yang seterusnya, majlis atau kenduri bertimbang ini dapat mengeratkan silaturahim dan memupuk semangat kejiranan antara komuniti yang terlibat. Informan menyatakan bahawa tujuan utama upacara timbang adalah untuk kepentingan si bayi, namun ahli keluarga dan tetamu yang hadir juga dapat manfaatnya. Hal ini boleh dilihat dalam kalangan etnik Bajau Samah, Bajau Ubian dan Suluk di Kampung Pulau Gaya Asal. Berdasarkan temu bual bersama informan Rajis, ketika keluarganya yang merupakan etnik Bajau mengadakan majlis bertimbang atau majlis cukur jambul atau apa-apa jenis kenduri, bukan sahaja ahli keluarganya yang bergotong-royong menyediakan kelengkapan kenduri, bahkan jiran-jiran serta penduduk dari kampung seberang yang berbangsa Ubian dan Suluk juga akan datang membantu seperti bergotong-royong membersihkan halaman rumah, mendirikan kanopi, memasak dan sebagainya.

"...majlis bertimbang ni dapat mengeratkan lagi hubungan dengan saudara dan jiran-jiran. Bukan keluarga Pak Cik saja, orang kampung, yang Suluk pun datang juga. Ramailah tolong-tolong, masak-masak... Dorang ni pun ada juga adat bertimbang, tapi lain sikitlah..."

(Rajis, 2019)

Bukan itu sahaja, informan juga pernah mengikuti upacara yang sama seperti adat timbang dalam komuniti Suluk di Kampung Pulau Gaya Asal. Informan mengikuti upacara itu secara langsung bersama-sama dengan penduduk kampung yang lain, dan beliau turut berkongsi pengalaman bahawa terdapat banyak perbezaan antara adat timbang etnik Bajau Samah dengan adat timbang etnik Suluk. Contohnya, bayi akan dimandikan di sungai yang bertujuan untuk membuang tulah. Manakala pakaian yang dipakai bayi akan dihanyutkan bersama bahan kelengkapan yang lain di sungai. Namun nilai yang cuba disampaikan oleh informan ialah, walaupun yang hadir dalam upacara itu terdiri daripada pelbagai jenis etnik yang berlainan budaya, nilai toleransi masih diterapkan. Penduduk Kampung Pulau Gaya mampu disatukan

dengan majlis-majlis seperti ini tanpa sebarang konflik, dan yang paling penting ia dapat mengeratkan silaturahmi sesama mereka.

Kepentingan yang terakhir ialah, informan berpendapat bahawa adat tradisi nenek moyang dapat menyekat tingkah laku masyarakat yang kurang sopan seperti melanggar norma sosial serta pantang larang nenek moyang. Hal ini berikutan masih terdapat sesetengah masyarakat Bajau yang berpegang teguh dengan kepercayaan *tulah*, iaitu jika melanggar pantang larang, ia akan terkena musibah. Kepercayaan yang sama juga berlaku terhadap adat timbang. Jika ahli keluarga mengetepikan hal ini, maka si bayi akan mendapat musibahnya di kemudian hari. Oleh itu, adat peninggalan nenek moyang sedikit sebanyak dapat mengingatkan kepada masyarakat agar sentiasa berkelakuan baik supaya tidak mendatangkan hal buruk pada bila-bila masa.

“...adat ni sekurang-kurangnya dapat mengawal tingkah laku manusia. Dorang takut kalau bertimbang nda kena buat, boleh bawa tulah dengan bayi tu. Sama juga dengan kepercayaan bulan Safar tu, ibu bapa selalu larang anak-anak dorang supaya jaga tingkah laku...”

(Rosnanih, 2019)

Tambah informan, kanak-kanak juga sering dinasihati oleh orang-orang tua supaya berpada-pada dengan tingkah laku mereka ketika bulan Muharam dan Safar. Mereka sering dilarang memanjat tempat yang tinggi, tidak boleh berlari-lari, tidak boleh membawa benda tajam ke hulu ke hilir, dan sebagainya. Jika tidak dipandang dari konteks ‘adat’ sekalipun, secara rasionalnya tingkah laku seperti ini boleh membahayakan diri sendiri. Maka pantang larang begitulah yang akan mencorak tingkah laku negatif sesuatu komuniti kelak.

Tuntasnya, hasil daripada perbincangan di atas mendapati bahawa komuniti Bajau Kampung Bolong menganggap adat timbang mempunyai kepentingan tersendiri yang harus dipertahankan. Bagi masyarakat Bajau, adat timbang adalah antara leluhur yang paling berharga kerana ia menggambarkan identiti masyarakat Bajau. Bukan sahaja dari konteks nilai sentimental, malah adat timbang ini adalah usaha sebagai memohon perlindungan daripada Allah SWT agar menghindarkan bayi dari nasib malang. Sehingga kini, generasi tua Bajau masih menekankan kepentingan melakukan adat timbang ini kerana kepercayaan dan rasa hormat mereka yang tinggi terhadap peninggalan nenek moyang. Hal ini secara tidak langsung telah mendorong generasi muda untuk sama-sama menerima dan mempraktikkan adat dan budaya ini dalam kehidupan mereka. Daripada amalan-amalan tersebut akan mewujudkan satu sistem pemikiran dalam masyarakat dan dapat menjadi satu garis panduan yang penting dalam mewujudkan peradaban manusia (Hairudin Harun, 2006).

Informan Kanchi berpendapat bahawa adat timbang semakin dihiraukan seiring dengan waktu yang semakin moden. Hal ini ekoran daripada kemunculan ahli ulama, imam, ustaz serta orang-orang arif yang semakin ramai pada alaf ini. Selain itu, hampir kesemua rakyat Malaysia juga telah terdedah dengan ilmu agama dan ilmu pendidikan yang tinggi, malah ada yang belajar sampai ke tanah Arab untuk menuntut ilmu. Maka tidak hairanlah jika rakyat sudah semakin berfikiran terbuka dan rasional terhadap sesuatu perkara. Hal yang sama berlaku kepada etnik Bajau. Pendidikan dan pengetahuan agama telah mempengaruhi persepsi mereka terhadap sesetengah adat leluhur yang banyak berunsurkan animisme.

Hal ini menyebabkan sukar untuk mencari pengganti atau pelapis pada zaman sekarang untuk mengetahui upacara bertimbang kerana selalunya mereka menolak untuk turut serta dalam upacara itu. Informan berpendapat hal ini disebabkan orang-orang bijak pandai seperti Imam atau Ustaz menganggap adat ini bertentangan dengan akidah Islam. Tambahan pula, orang-orang tua yang arif akan upacara ini sudah banyak yang meninggal dunia dan tidak dapat mewariskan adat ini kepada cucu-cicit mereka.

Selain itu, informan Rajis pula berpendapat, walaupun tidak ada sebarang unsur-unsur syirik sewaktu pelaksanaan upacara bertimbang diadakan seperti pemujaan terhadap benda-benda mistik dan lain-lain, namun jika dilihat pada pokok pangkal tujuan bertimbang ini dilakukan adalah kerana kepercayaan etnik Bajau terhadap mitos *tulah* yang berlaku pada bulan Muharam dan Safar. Mereka percaya jika upacara bertimbang tidak dilakukan, ia akan mengundang nasib yang tidak baik pada bayi itu. Maka upacara bertimbang harus dilakukan sebagai jaminan hidupnya pada masa hadapan akan menjadi baik.

Hal ini disebut sebagai *tathayyur* (menganggap sial kerana sesuatu), dan ianya sangat dilarang dalam Islam kerana menganggap sesuatu musibah bakal menimpa sesuatu perkara tanpa dalil yang jelas dalam al-Quran akan mendorong kepada perbuatan syirik. Maka sangat jelas bahawa tanggapan terhadap bulan Muharam dan Safar sebagai bulan yang membawa *tulah* dan boleh memudaratkan seseorang adalah satu perbuatan yang bersifat *tathayyur*. Lantaran itu adat timbang juga termasuk dalam perbuatan *tathayyur* kerana ia melibatkan kebergantungan hati individu terhadap sesuatu perkara selain Allah SWT.

Namun, terdapat pula informan yang menafikan adat timbang ada unsur-unsur syirik, dan bersetuju bahawa adat timbang masih sesuai diamalkan sehingga hari ini. Hal ini merujuk kepada beberapa perkara seperti upacara timbang tidak melibatkan pemujaan terhadap sesuatu objek atau melibatkan ilmu hitam ketika proses perlaksanaannya. Ia boleh dilihat ketika upacara berlangsung, Imam hanya membaca doa ayat 7 *Salamun* serta para jemaah hanya berselawat ke atas Nabi sewaktu *berzanji*. Tambahan lagi, aksi memecahkan pasu dan buah kelapa ketika upacara bertimbang sebenarnya tidak mempunyai makna yang tertentu. Sebaliknya ia dilakukan hanya sebagai gimik semata-mata.

Di samping itu, kenyataan ini juga turut disokong oleh informan Saifuddin. Beliau menyatakan bahawa upacara timbang ini bukan ritual pemujaan yang berunsur *khurafat*. Etnik Bajau khususnya di Kampung Bolong masih mengamalkan adat ini sehingga sekarang adalah kerana mereka menghormati peninggalan nenek moyang yang diwariskan dari turun-temurun. Tambahnya lagi, upacara bertimbang memang tidak terkandung di dalam al-Quran, namun ia bukan menjadi penghalang untuk kita melakukannya jika mampu dari segi kewangan kerana pada akhirnya, semua itu berbalik kepada niat seseorang. Sama ada mereka melakukannya kerana kepercayaan animisme iaitu menganggap bulan Muharam dan Safar membawa *tulah* ataupun kerana ingin mengekalkan tradisi leluhur Bajau sahaja.

Selain itu, informan menjelaskan bahawa dalam upacara bertimbang, tidak mengandungi unsur-unsur *syirik* seperti membuat perjanjian dengan jin, penyembelihan ayam untuk upacara pemujaan, dan sebagainya. Upacara bertimbang di zaman ini hanyalah untuk menghormati adat nenek moyang semata-mata. Dalam pada itu, ahli keluarga juga dapat bersedekah bahan-bahan timbangan kepada para jemaah. Informan sempat berpesan "...jika kau yakin ia (adat

bertimbang) tidak menyalahi akidah Islam, maka buatlah. Tapi jika tidak yakin, maka tidak usah lakukan.” Hal ini kerana, apa pun yang dilakukan, ia berbalik kepada ‘niat’ individu itu.

Oleh itu, ringkasan kefahaman komuniti tentang kesesuaian amalan adat timbang dengan ajaran Islam dapat dilihat seperti jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Kefahaman Komuniti Tentang Kesesuaian Amalan Adat Timbang Dengan Ajaran Islam

Kefahaman Komuniti Tentang Kesesuaian Amalan Adat Timbang Dengan Ajaran Islam	
Menolak	Menerima
i. Imam atau Ustaz menganggap adat timbang adalah kepercayaan animisme yang bertentangan dengan akidah Islam	i. Tidak melibatkan pemujaan terhadap sesuatu objek atau ilmu hitam
ii. Kepercayaan kepada konsep ‘tulah’ yang bersifat <i>tathayyur</i>	ii. Tidak mengandungi unsur-unsur syirik seperti perjanjian dengan jin dan penyembelihan ayam untuk pemujaan

Maka, dapat dilihat bahawa setiap individu mempunyai persepsi yang tersendiri mengenai adat timbang. Hasil dapatan kajian menunjukkan kefahaman komuniti tentang kesesuaian amalan adat timbang dengan ajaran Islam ini terbahagi kepada dua golongan. Ada yang menerima dan ada juga yang menolak adat bertimbang ini. Ekoran daripada permasalahan yang timbul, masyarakat Bajau tidak kira usia tua atau muda akan sentiasa berusaha dari semasa ke semasa untuk memelihara dan memulihara adat turun-temurun nenek moyang ini. Tidak dapat disangkal lagi, walaupun zaman semakin moden, namun semangat jati diri sebagai pewaris harta warisan Bajau itu masih lagi kuat di dalam diri.

Bagi upacara bertimbang pula, adat ini dianggap sebagai sesuatu yang harus dilakukan. Jika tidak dituruti, maka ia dianggap telah melanggar pantang larang nenek moyang, dan akibatnya perkara buruk akan menimpa orang itu seperti sentiasa bernasib malang, panas baran, dan sebagainya. Lantaran daripada itu ahli keluarga akan berusaha mengadakan upacara bertimbang untuk si bayi tidak kira apa situasi sekalipun.

Namun dapat dilihat orang-orang tua Bajau lebih peka dalam usaha mengekalkan adat timbang ini berbanding golongan muda. Mereka telah menjadikan kepercayaan *tulah* itu sebagai sesuatu yang boleh mengendali sosial masyarakat Bajau. Contohnya, kepercayaan terhadap bulan Muharam dan Safar sebagai bulan panas telah menyebabkan masyarakat lebih berhati-hati dalam melakukan sesuatu perkara yang terlarang kerana dipercayai boleh membawa musibah kepada diri sendiri. Sedangkan bagi generasi muda, mereka adalah golongan yang telah menjalani arus pemodenan. Maka, adat bertimbang ini sudah kurang diamalkan ataupun jika dilakukan sekalipun, hanyalah atas nilai solidariti yang perlu dikekalkan untuk mencapai kepentingan tertentu.

Namun harus ditekankan bahawa Islam bukanlah agama yang jumud, membuang segala kebudayaan yang lahir sebelum pra Islam terutamanya hal yang berkaitan dengan adat tradisi nenek moyang. Ia akan dilihat daripada pelbagai perspektif terlebih dahulu. Contohnya, dari

sudut fenomena sosial masyarakat Bajau, sama ada ia wujud daripada fahaman Islam atau animisme. Jika kepercayaan dan pantang larang itu lebih mendorong seseorang atau sesebuah masyarakat untuk berkelakuan positif, maka ia tidak harus diketepikan. Hal ini berikutan, Islam adalah agama yang harmoni dan sama sekali tidak cuba untuk menghapuskan adat tradisi. Namun begitu, adat tradisi yang ingin diperjuangkan haruslah tidak bertentangan dengan akidah Islam sehingga boleh menyesatkan seseorang muslim.

Sama seperti kajian Coulson (1960), beliau menjelaskan adat tradisi di Tanah Arab tidak dihapuskan sepenuhnya ketika kedatangan Islam ke situ. Banyak elemen-elemen pra-Islam yang dihapuskan atau diperbaharui mengikut syariat Islam dan masih banyak juga yang dikekalkan kerana tidak melanggar hukum syarak.

Malik Bennabi (1986) juga menegaskan, adat dan budaya yang telah wujud sebelum kedatangan Islam serta tidak bercanggah dengan ajaran Islam boleh dikekalkan dan diamalkan, selagi ia tidak menyebabkan perubahan dan penukaran pada ajaran Islam. Beliau telah memperkenalkan teori *al-ta'ayush* (saling bersama atau kewujudan bersama) antara ajaran Islam dan adat tradisi selain Islam. Hal ini bermaksud, kedatangan Islam ke suatu tamadun bukan untuk menghapuskan segala adat dan budaya pra-Islam, melainkan hanyalah untuk menyesuaikan budaya tersebut agar seiring dengan prinsip-prinsip syariat Islam di zaman yang serba moden ini.

Kesimpulan

Setiap etnik mempunyai kepelbagaian adat dan budaya yang telah wujud sejak dari zaman nenek moyang lagi. Adat dan budaya ini meresap ke dalam jiwa masyarakat sehingga wujudnya kepercayaan-kepercayaan tertentu yang sehingga kini masih kuat diamalkan. Sehingga kini ia cuba disesuaikan mengikut keperluan agama dan sosial masyarakat itu sendiri. Perkara yang sama juga berlaku terhadap adat dan budaya etnik Bajau. Berlaku sinkretisme antara kepercayaan animisme dan ajaran Islam dan amalan-amalan itu telah diwariskan kepada generasi baru untuk dipatuhi agar dapat menyekat kelakuan-kelakuan yang tidak bagus daripada masyarakat Bajau itu sendiri. Amalan-amalan dan pantang larang yang wujud ini adalah ekor daripada usaha orang-orang tua terdahulu yang cuba menyelesaikan permasalahan yang wujud dalam kalangan mereka yang melibatkan masalah sosial dan metafizik. Maka dengan itu terhasillah pelbagai bentuk ritual yang berfungsi untuk mencegah pelbagai musibah yang datang sekiranya melanggar pantang larang. Begitu juga dengan situasi yang berlaku dalam komuniti Bajau di Kampung Bolong Tuaran. Walaupun beragama Islam, namun mereka juga tidak terlepas daripada pengaruh unsur-unsur sinkretisme yang berlaku ketika hidup bersosial bersama masyarakat. Antara kepercayaan etnik Bajau yang mempunyai unsur-unsur sinkretisme ialah upacara bertimbang yang bersangkut-paut dengan mitos *tulah* pada bulan Muharam dan Safar.

Walau bagaimanapun, komuniti Bajau Kampung Bolong bertegas menafikan adat timbang ini mendorong kepada perbuatan syirik. Hal ini kerana upacara yang dijalankan hanyalah semata-mata kerana ingin menghormati tradisi nenek moyang di samping memanjatkan doa kepada Yang Maha Kuasa agar sentiasa merahmati hidup si bayi. Tambahan pula, setiap perbuatan yang dilakukan pasti ada batasnya berlandaskan akidah Islam, namun oleh kerana adat dan budaya Bajau terpengaruh dengan peranan generasi tua, maka unsur-unsur tradisi yang mengaitkan kehidupan manusia dengan mitos diselitkan agar masyarakat Bajau lebih berhati-hati dalam melakukan sesuatu perkara. Dikhuatiri akan mengundang perkara yang tidak baik

seperti bernasib malang dan sebagainya. Hal ini membuktikan, berdasarkan kefahaman generasi tua Bajau, perbuatan menjaga hati yang berunsurkan kuasa ghaib ini lebih sukar berbanding dengan manusia. Hal ini ekoran perasaan dan emosi manusia boleh dilihat berdasarkan reaksi muka tetapi makhluk-makhluk kuasa ghaib pula tidak boleh dilihat dengan mata kasar. Oleh itu, apabila bala ini menimpa manusia, pawang atau individu yang arif akan menjadi perantara dalam melakukan pelbagai upacara sebagai simbolik penghormatan untuk memohon keampunan daripada roh nenek moyang.

Kesimpulannya, faktor kelangsungan adat bertimbang dalam komuniti Bajau Kampung Bolong Tuaran adalah berdasarkan kepada dua kepentingan iaitu kepercayaan bahawa nasib malang akan menimpa bayi yang lahir pada bulan Muharam dan Safar. Cara menghindarnya hanyalah dengan melakukan upacara bertimbang mengikut kepercayaan nenek moyang. Kedua, adalah berdasarkan kepada semangat juang yang tinggi generasi kini dalam memelihara dan memulihara warisan budaya Bajau. Ringkasnya adat bertimbang ini memberi impak positif kepada si bayi dan juga komuniti Bajau Kampung Bolong sehingga ia sukar untuk dipinggirkan. Oleh itu, dengan wujudnya pendokumentasian adat timbang ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran kepada generasi baru tentang kepentingan kelangsungan adat timbang agar adat tradisi yang melambangkan jati diri etnik Bajau ini tidak hilang di sebalik arus pemodenan.

Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana Geran Penyelidikan SDK0224-2020, Universiti Malaysia Sabah.

Rujukan

- Aisah Hossin, Nurulaisyah Rosli, Norhuda Salleh, Ahmad Tarmizi Abd. Rahman & Budi Anto Tamring. (2012). Adat Kelahiran Komuniti Jawa: Tinjauan Di Kg. Jawa Dua, Sandakan, Sabah. Pembentangan Kertas Kerja Di Persidangan Masyarakat Dan Agama, Anjuran PPIB Universiti Malaysia Sabah Pada 31 Oktober- 1 November 2012.
- Dede Nur Afiah. (2018). Ritual Perayaan Rebo Kesan Desa Girijaya, Kecamatan Saketi, Pandeglang, Banten. *Latihan Ilmiah*. Jakarta: Fakultas Ushuluddin Universitas Islam Negeri.
- Eshah A. Wahab. (2012). *Unsur-Unsur Agama, Ritual Dan Sinkretisme Masyarakat Bajau Omadal*. Universiti Malaysia Terengganu. 518.
- Gusni Saat. (2008). *Suku Etnik Bajau (Urbanisasi, Perubahan dan Pembangunan)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Harith Asraf Lamdin. (2014). *Adat Resam Dan Pantang Larang Suku Kaum Di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pusaka.
- Mohd Kipli Abd. Rahman, Nurul Farhana Low Abdullah, Solehah Ishak. (2018). Ngalai Ritual: A Communal Healing Performace. *SHS Web Of Conferences* 45. Malaysia: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Syarifudin Abdullah, Mansor Mohd Nor, Amad Rizal Mohd Yusof & Faridah Che Hussain. (2017). Konsep Komuniti Dan Perkembangannya: Suatu Tinjauan Kritikal Terhadap Penggunaannya. Malaysia: Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Sains Dan Kemanusiaan*, 12 (3).
- Nelson Dino. (2018). Januari 28. Budaya, Sastera Orang Suluk Perlu Dipertahankan. *Utusan Borneo*. Dicapai pada 20 Mac 2019.

- Ros Aiza Mohd Mokhtar & Che Zarrina Sa'ari. (2015). Konsep Sinkretisme Menurut Perspektif Islam. Sabah: Kota Kinabalu. Universiti Malaysia Sabah.
- Siti Faridah & Mubarak. Kepercayaan Masyarakat Banjar Terhadap Bulan Safar: Sebuah Tinjauan Psikologis. *Al-Banjari*, 11 (1), 77-92.
- Syamsul Azizul Marinsah & Mohd Anuar Ramli. (2017). Amalan Tradisi Magombo' Dalam Masyarakat Bajau Di Semporna Sabah: Analisis Dari Perspektif Sosiobudaya Dan Perspektif Hukum Islam. *Universiti Malaya. Borneo Research Journal*, 11, 72-86.
- Syamsul Azizul Marinsah & Mohd Anuar Ramli. (2017). Sinkretisme Dalam Masyarakat Bajau Di Sabah. *International Journal Of Islamic Thought*, 12.
- Syamsul Azizul Marinsah & Mohd Anuar Ramli. (2018). Pendekatan Sosiologi Hukum Islam Dalam Kajian Usul Al-Fiqh Gunaan: Aplikasi Terhadap Budaya Tradisi Masyarakat Bajau Semporna. *UTM Press. Jurnal Kemanusiaan*.
- Yusri Mohamad Ramli. (2012). Agama Dalam Tentukur Antropologi Simbolik Clifford Geertz. Malaysia: Selangor. Universiti Kebangsaan Malaysia. *International Journal Of Islamic*, 1.